

Headline	<b>Kajian FRIM jana nilai eksport</b>
Date	<b>06 Jun 2010</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>
Section	<b>Nasional</b>
Journalist	<b>N/A</b>
Frequency	<b>Daily</b>
Circ / Read	<b>60,000 /</b>

Language	<b>Malay</b>
Page No	<b>N19</b>
Article Size	<b>436 cm<sup>2</sup></b>
Color	<b>Full Color</b>
ADValue	<b>2,398</b>
PRValue	<b>7,194</b>



# Kajian FRIM jana nilai eksport

Sempena Hari Alam Sekitar yang disambut 5 Jun setiap tahun, pasukan Laporan Khas- Aida Azura Azemi, Mohd Hazrizal Hanapiah dan Nurhazah Ibrahim melihat lebih dekat lagi peranan yang dimainkan oleh Institut SEBELUM tahun 1926, tanah berkeluasan 485.2 hektar di Bukit Lagong, Kepong tampak gondol dan panas akibat aktiviti perlombongan bijih timah. Jika adapun hanyalah hutan kecil di sana-sini, selain tanaman kontan yang diusahakan secara kecil-kecilan.

Kedatangan saintis dan pengkaji hutan merubah segala-galanya. Pokok-pokok yang biasa mengisi hutan tropika mula ditanam di tanah ini dan setelah puluhan tahun, pokok-pokok ini bercambah, meluas dan membesar seterusnya melahirkan sebuah hutan buatan manusia terulung di dunia.

Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), yang tidak sekadar memelihara dan memulihara hutan, tetapi juga tampil dengan kajian-kajian yang efisien dan berguna, khususnya dalam melestarikan alam sekitar di Malaysia.

Hari ini hutan yang diberi nama Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia, tidak hanya menjadi tarikan keluarga bersantai pada hujung minggu, tetapi juga bertindak selaku aktiviti pendidikan alam.

Setiap flora yang matang di sini, tidak hanya membekalkan oksigen kepada udara Malaysia, tetapi juga menyumbang kajian yang berguna kepada generasi akan datang.

Digazetkan sebagai Taman Warisan Semula jadi di bawah Akta Warisan Kebangsaan (Akta 645) pada 10 Februari 2009, FRIM kini diterajui Datuk Dr Abd Latif Mohmod selaku Ketua Pengarah sejak 2007.

## Pusat pendidikan alam sekitar

Sempena Hari Alam Sekitar yang disambut di seluruh dunia semalam, FRIM melancarkan Pusat Pendidikan Alam Sekitar (EEC) khas buat kanak-kanak yang kini dibuka setiap hari, termasuk Sabtu dari jam 9 pagi hingga 12 tengah hari. EEC mendapat tajaan peneraju bidang pemprosesan dan pembungkusan makanan, Tetra Pak.

Sementelah golongan kanak-kanak masih mudah dibentuk, kehadiran mereka di FRIM diharapkan mampu menjana kesedaran dan sifat kasih kepada alam sekitar. Pelbagai

aktiviti turut dirangka agar tidak menjemu kanak-kanak. Antaranya program kitar semula, berbasikal dan mengenal pasti biji benih dan tumbuh tumbuhan.

"FRIM telah diiktiraf sebagai Destinasi Ekopendidikan Mesra Kanak-kanak oleh Persatuan Penggiat Profesional Pendidikan Awal Kanak-kanak Malaysia (APECP) pada 31 Mac lalu. Ini merupakan pengiktirafan atas sumbangan FRIM sebagai destinasi ekopelancongan yang turut cemerlang dalam pendidikan awal, penjagaan dan pembangunan kanak-kanak di Malaysia," kata Abd Latif.

## Medan kajian FRIM

SETELAH berpuluhan tahun, FRIM yang membentuk kitaran ekologi sendiri boleh dijadikan medan untuk mengkaji khazanah berharga yang terdapat pada hutan tropika kita. Selain balak yang diketahui cukup bernilai, terdapat juga hasil hutan yang berguna untuk bidang perubatan, kecantikan dan keusahawanan.

Antara yang ditanam di sini termasuklah tumbuhan paling popular dalam bidang perubatan tradisional, tongkat ali dan kacip fatimah yang boleh didapati di Taman Botanik-Ethno.

Selain itu, pujian harus diberikan kepada hasil kajian dan penyelidikan FRIM yang menemui material alternatif bagi penghasilan produk berasaskan kayu. Penemuan ini berjaya mengatasi masalah permintaan terhadap kayu balak yang memerlukan masa sangat panjang untuk matang.

Penemuan kayu getah yang selama ini hanya berguna untuk dijadikan kayu api bagi membuat perabot misalnya, menjana nilai eksport lebih RM4 bilion kepada negara. Manakala sisa daripada kepala sawit yang selama ini dianggap sampah, berjaya ditukarkan kepada kertas, pulpa, bahan api bio, bahan asas kayu, panel dinding, lantai parkir dan sebagainya yang berguna dalam kehidupan manusia.

Selain flora, penghuni fauna FRIM seperti burung, kelawar dan tupai turut menjadi tumpuan kajian. Reputasi FRIM dalam bidang kajian hutan tropika nyata terbukti apabila dinobatkan dua anugerah berprestij pada tahun lalu, iaitu Anugerah Sains Mahathir dan Anugerah Nikkei Asia.

Tidak hanya berfungsi sebagai pusat kajian hutan terunggul negara, FRIM turut bertindak sebagai pusat perkembangan ilmu. Bagi golongan cilik dan mereka yang berminat untuk menerokai alam semula jadi, pelbagai aktiviti dan perkhidmatan disediakan seperti khidmat penunjuk arah, bengkel fotografi dan program pendidikan alam sekitar; aktiviti penanaman pokok, memanjat, mencari harta karun atau larian sempena sambutan Hari Hutan Sedunia dan Hari Alam Sekitar.

"FRIM sering kali menjadi tumpuan golongan muda dan tua yang mencari peluang mengasingkan diri seketika dari hutan konkrit menerusi ketenangan yang ditawarkan alam semula jadi. Sehubungan itu kami berhasrat untuk membangunkan lebih banyak kemudahan dan aktiviti yang menawarkan elemen pendidikan alam sekitar," ujar Abd Latif.

Selain itu FRIM turut menyediakan Kem Perah, tapak perkhemahan untuk pengunjung termasuk pelajar sekolah. Jika tidak tega bermalam di bawah khemah, chalet dengan khidmat memasak, barbeku, ruang legar dan bilik air turut disediakan pada harga berpatutan. Mereka yang menggilai cabaran digalakkan menyertai aktiviti meredah hutan pada waktu malam, menyaksikan keindahan flora dan fauna sekitar hutan dan lain-lain.

Tarikan lain yang terdapat di FRIM ialah rumah-rumah Melayu tradisional. Antara yang menjadi tumpuan ialah Rumah Terengganu yang dibina sepenuhnya daripada kayu cengal tanpa paku dan Rumah Melaka yang cantik dengan mengekalkan binaan turun temurun.

Headline	<b>Kajian FRIM jana nilai eksport</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>06 Jun 2010</b>	Page No	<b>N19</b>
MediaTitle	<b>Sinar Harian</b>	Article Size	<b>436 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>Nasional</b>	Color	<b>Full Color</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>2,398</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>7,194</b>
Circ / Read	<b>60,000 /</b>		



● Makmal tisu kultur di FRIM.